

24 JAN 2003

Shahrizat-Penyeragaman (Bergambar)

ISU PENYERAGAMAN UNDANG-UNDANG ISLAM DIBINCANGKAN 18 FEB

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Isu penyeragaman Undang-undang Keluarga Islam akan dibincangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Isu-isu Penyeragaman Undang-undang Keluarga Islam pada 18 Feb ini.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Rais Yatim itu akan membincangkan mengenai penggunaan format Undang-Undang Syariah Wilayah Persekutuan sebagai satu deraf bagi melaksanakan penyeragaman tersebut.

Katanya isu lain yang akan turut dibincangkan pada pertemuan tersebut ialah perjalanan penubuhan Mahkamah Keluarga bagi mempercepatkan proses undang-undang yang berkaitan dengan isu kekeluargaan.

"Kita berharap arahan supaya gazet merangkakan undang-undang syariah negeri dapat dijalankan secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Galeri Gaya Hidup Sutera Harbour di sini, hari ini.

Shahrizat berkata langkah untuk mewartakan undang-undang tersebut sedang dalam proses perbincangan dan tugas kementeriannya hanya memantau dan mengawasi perjalanan proses mewartakan undang-undang tersebut.

"Dengan penyeragaman ini sekurang-kurangnya rakyat Malaysia tahu ada satu undang-undang Syariah yang akan digunapakai, sekiranya timbul masalah mungkin dari segi pelaksanaan, namun ia boleh diperbaiki dari masa ke semasa," katanya.

Beliau berharap dengan penyeragaman undang-undang tersebut, masalah individu yang berkahwin di Thailand dapat diselesaikan.

Ditanya mengenai jangka masa yang diambil bagi melaksanakan penyeragaman undang-undang tersebut, Shahrizat berkata ia mungkin mengambil masa tiga bulan.

Terdahulu beliau telah merasmikan Galeri Gaya Hidup Sutera Harbour, satu pusat peranginan bersepadu di Asia, yang terletak di tengah-tengah Kota Kinabalu.

Sutera Harbour Resort ialah projek pelancongan bernilai RM2.2 bilion, meliputi kawasan seluas 172.8 hektar di tapak tepi laut utama dan dibuka secara rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir MoHamad pada tahun 2000.

-- BERNAMA

LIB MUN ZB